

PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA




FAB30000010225

10467176

PENGURUSAN SISA PEMBINAAN DI TAPAK BINA

SHAH JAHAN BIN OMAR

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan



Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

ABSTRAK

Kepesatan pembangunan dalam industri pembinaan melambangkan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Namun begitu, disebalik aktiviti pembinaan ini, industri pembinaan melibatkan penggunaan sumber bahan binaan yang banyak yang mana memberikan kesan yang ketara ke atas penjanaaan sisa binaan. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh manakah pelaksanaan kaedah pengurusan sisa pembinaan yang diamalkan oleh pihak kontraktor di tapak bina serta apakah masalah-masalah yang menjadi halangan kepada pihak kontraktor untuk melaksanakan pengurusan sisa pembinaan di tapak bina. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti kaedah pengurusan sisa pembinaan di tapak bina, mengenalpasti komponen kos yang terlibat dalam pengurusan sisa pembinaan di tapak bina dan mengenalpasti masalah dalam pengurusan sisa pembinaan di tapak bina. Bagi mencapai objektif tersebut, pihak responden yang dipilih adalah terdiri daripada pihak kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui soal selidik terhadap pihak kontraktor yang menguruskan sisa pembinaan di tapak bina. Borang soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan min skor dan peratusan berdasarkan skala "likert". Hasil daripada kajian yang dilakukan, kaedah kitar semula merupakan kaedah yang kerap digunakan oleh pihak kontraktor untuk menguruskan sisa pembinaan. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kos terlibat yang paling tinggi adalah kos untuk mengupah buruh dalam melaksanakan pengurusan sisa tersebut di samping kos untuk melupuskan sisa itu sendiri. Masalah yang utama berlaku dalam melaksanakan pengurusan sisa pembinaan adalah peningkatan kos yang merupakan halangan utama dalam melaksanakan pengurusan sisa pembinaan.

ABSTRAK

Kepesatan pembangunan dalam industri pembinaan melambangkan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Namun begitu, disebalik aktiviti pembinaan ini, industri pembinaan melibatkan penggunaan sumber bahan binaan yang banyak yang mana memberikan kesan yang ketara ke atas penjanaaan sisa binaan. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh manakah pelaksanaan kaedah pengurusan sisa pembinaan yang diamalkan oleh pihak kontraktor di tapak bina serta apakah masalah-masalah yang menjadi halangan kepada pihak kontraktor untuk melaksanakan pengurusan sisa pembinaan di tapak bina. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti kaedah pengurusan sisa pembinaan di tapak bina, mengenalpasti komponen kos yang terlibat dalam pengurusan sisa pembinaan di tapak bina dan mengenalpasti masalah dalam pengurusan sisa pembinaan di tapak bina. Bagi mencapai objektif tersebut, pihak responden yang dipilih adalah terdiri daripada pihak kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui soal selidik terhadap pihak kontraktor yang menguruskan sisa pembinaan di tapak bina. Borang soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan min skor dan peratusan berdasarkan skala "likert". Hasil daripada kajian yang dilakukan, kaedah kitar semula merupakan kaedah yang kerap digunakan oleh pihak kontraktor untuk menguruskan sisa pembinaan. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kos terlibat yang paling tinggi adalah kos untuk mengupah buruh dalam melaksanakan pengurusan sisa tersebut di samping kos untuk melupuskan sisa itu sendiri. Masalah yang utama berlaku dalam melaksanakan pengurusan sisa pembinaan adalah peningkatan kos yang merupakan halangan utama dalam melaksanakan pengurusan sisa pembinaan.